

Dr. Mahathir terharu sambutan orang ramai

UM 8 NOV 2003

ALOR STAR 17 Nov. — Tun Dr. Mahathir Mohamad yang pertama kali pulang ke negeri ini selepas meletakkan jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober lalu, menyatakan rasa terharu di atas sambutan orang ramai kepadanya.

“Saya anggap (sambutan) ini merupakan petanda baik untuk UMNO dan Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya umum akan datang, kerana walaupun sudah tiada kuasa, masih ada orang menyambut saya,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, sambutan yang diberikan kepada beliau hari ini adalah kerana rakyat menghargai apa yang telah dibuat oleh kerajaan selama ini.

“Saya percaya pada umumnya rakyat Malaysia bersyukur dan berterima kasih kerana mereka mendapat banyak nikmat di bawah pemerintahan BN yang ditunjangi oleh UMNO,” katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini.

Beliau yang diiringi oleh isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali tiba dengan jet TUDM pada pukul 4 petang dan disambut oleh lebih 3,000 orang termasuk ahli-ahli parti komponen BN.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin adalah antara yang turut menyambut Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu pulang ke negeri ini untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri Tunjang, di Masjid Felda Laka Selatan, Changlun.

Dr. Mahathir berkata, beliau akan pulang untuk berjumpa sebanyak mungkin rakyat dalam kempen pilihan raya akan datang kerana menjadi tanggungjawabnya untuk menjelaskan tentang perlunya rakyat mempertahankan kerajaan yang ada.

“Saya juga akan membalas budi mereka yang membantu saya dulu. Kalau dulu mereka sokong saya, sekarang saya nak bantu mereka balik,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, beliau juga sedia memberikan nasihat untuk memajukan negeri ini selain memberi nasihat di dalam parti.

Ditanya mengenai peluang Kedah pada pilihan raya akan datang, Dr. Mahathir yakin politik negeri ini bertambah baik dan mendapat sokongan rakyat serta dijangka kekal diperintah oleh BN walaupun Pas mendakwa mereka mampu menawannya.